

Ekspo jualan perumahan tawar 600,000 kediaman

KUALA LUMPUR - Sebanyak 600,000 unit kediaman di seluruh negara ditawarkan kepada pembeli pada Ekspo Jualan Perumahan Edisi Nasional yang membuka tirainya esok.

Bertempat di Dewan Tun Razak 1, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, ekspo hartanah ini dibuka kepada orang ramai bermula pukul 10 pagi hingga 10 malam sehingga 1 April.

Ekspo hartanah terbesar ini dianjurkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersama Perbadanan PRIMA Malaysia (PRIMA).

Menurut jurucakap penganjur, pelbagai hadiah menarik disediakan kepada pengunjung bertuah, antaranya, dua unit rumah PRIMA dan kereta.

"Ekspo ini menggabungkan pelbagai produk perumahan daripada beberapa kategori harga yang ditawarkan oleh PRIMA bersama agensi-agensi kerajaan lain.

"Ini merupakan peluang terbaik rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah dan pertengahan untuk memiliki kediaman," kata jurucakap berkenaan.

EKSPLO PERUMAHAN TERBESAR DI MALAYSIA

KE ARAH SEJUTA IMPIAN
ALAMI GAYA HIDUP SEJAHTERA

Lebih daripada **600,000 unit** kediaman ditawarkan di seluruh Malaysia

24 MAC - 1 APRIL '18
DEWAN TUN RAZAK 1, PWTC
10 PAGI - 10 MALAM

JANGAN LUPAKAN PELANGK LINTUK APABILA KEHIDUPAN IMPIAN ANDA

Hadiah Menarik Menanti Pengunjung!
2 unit kediaman PRIMA, kereta dan banyak lagi

Persembahan Artis

PRIMA **PERUMAHAN** **DEWATAN** **PERUMAHAN** **PERUMAHAN**

POSTER Ekspo Jualan Perumahan Edisi Nasional yang bakal berlangsung di PWTC Kuala Lumpur esok.

Tambahnya, pengunjung juga berpeluang mendapatkan rebat selain kemudahan pinjaman daripada institusi kewangan yang terlibat.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat lanjut berhubung ekspo ini menerusi laman web www.prma.my dan Facebook **PRIMA HOMES**.